

TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
HOTEL MING COURT, KUALA LUMPUR
PERASMIAN BENGKEL "PERANAN PERTUBUHAN SUKARELA WANITA
DALAM MEMPERTINGKATKAN KESIHATAN
18 OGOS 1990

Dif-Dif Kehormat;Puan-puan dan Tuan-tuan sekalian.

Saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada pihak penganjur bengkel kerana menjemput saya ke Majlis ini. Sebagai seorang pengamal perubatan yang telah lama berkecimpung dalam bidang kesihatan, saya amat tertarik dengan usaha untuk menyedarkan pertubuhan-pertubuhan sukarela mengenai peranan yang boleh mereka mainkan untuk meningkatkan kesihatan masyarakat. Kesihatan merupakan satu faktor yang penting dalam proses pembangunan negara. Penjagaan kesihatan akan menggalakkan pembangunan serta memaksimumkan sumbangan terhadap pembangunan sosio-ekonomi. Saya mengucapkan tahniah kepada Kelab Wanita Fakulti Perubatan UKM, salah satu ahli gabungan NCWO kerana berusaha menganjurkan bengkel ini.

Ladies and Gentlemen,

2. I thank too, the World Health Organization for supporting this most noble effort to involve women organizations in the promotion of health. I see this as a direct effort to translate the aspiration of achieving health for all by year 2000 through primary health care. As we are all aware, this strategy also calls for the mobilization of community resources for health care. Women organizations in this country have long been an indispensable part of the community and have inspiring records of fastidiousness, resilience and sustainability in the multifaceted projects that they have undertaken all these years. In choosing to support women NGOs, WHO has made a very wise decision. One of the main features of our NGOs is their great diversity with concerns ranging from development in the agricultural sector to that in the social, medical, and educational sectors, and so on -- in both urban and rural environments. In co-operating with NGOs, official agencies will have the opportunity to make use of the special features of NGOs in enhancing public interest in development issues. These special features of NGOs' include their capacity for innovation, their ability to mobilize popular groups effectively and to stimulate self-help activities, their capacity to adapt quickly, the personal commitment and dedication of their leaders, and their effectiveness in small-scale activities. NGOs have also shown that they are able to sustain activities even when external aid has been discontinued. Some of these features enable NGOs to act in sectors and with population groups which official aid reaches less well.

3. In this workshop the focus is on health related activities. In this endeavor women organizations can be effective in many different ways: providing more accurate and representative information; adapting health programmes to priority needs, and enhancing co-operation on new programmes; providing opportunities for group

communication and health education; mobilising resources on a self-help or matching grant basis such as participating in the establishment of community services for care of the elderly, handicapped, the terminally ill, victims of violence, drug abuse prevention, treatment and rehabilitation; providing locally appropriate technical knowledge; enhancing utilization and maintenance of facilities and services.

4. Following this workshop we look forward to a fostering of partnership between women organizations and government agencies, and also international bodies such as the WHO, and to the continued support of these bodies for the projects to be undertaken by women in the promotion of health. I also hope that in the process of collaboration these agencies can also strengthen the voluntary organizations they are working with.

Puan-puan dan Tuan-tuan,

5. Baru-baru ini kerajaan telah melancarkan Dasar Wanita Negara. Dasar ini bertujuan melibatkan secara aktif wanita dalam proses pembangunan melalui pengintegrasian kaum wanita dalam program utama. Dasar ini menggariskan peranan penting yang perlu dimainkan oleh agensi-agensi Kerajaan dan menekankan pentingnya penglibatan pertubuhan-pertubuhan wanita dalam usaha-usaha ini. Penglibatan wanita sebagai individu telah lama diakui sebagai amat penting untuk mencapai matlamat-matlamat rancangan pembangunan negara. Apatah lagi dengan pertubuhan-pertubuhan wanita di mana kegiatan mereka lebih tersusun. Tidak boleh dinafikan bahawa pertubuhan-pertubuhan sukarela akan memainkan peranan penting dalam pelaksanaan Dasar Wanita.

6. Tidak dapat dinafikan bahawa pertubuhan-pertubuhan sukarela perlu dilibatkan dalam usaha pembangunan yang dijalankan oleh pihak Kerajaan. Pertubuhan-pertubuhan wanita tempatan makin dihormati kerana kerja-kerja mereka yang sangat berkesan untuk pembangunan. Mereka makin mengambil pendekatan profesional dalam mengendalikan projek dan makin cenderung melibatkan diri dengan projek jangka panjang yang memerlukan daya tahan. Mereka juga mencapai kejayaan yang tinggi daripada segi menepati objektif projek-projek yang dijalankan disamping menghasilkan kesan berganda dan pengukuhan pertubuhan mereka sendiri.

7. Selama ini kita telah memerhati peranan 'advocacy' yang dimainkan dengan berkesan oleh pertubuhan-pertubuhan wanita. Mereka bersatu dengan pertubuhan lain untuk memperjuangkan sesuatu isu, mengkaji undang-undang dan membuat syor yang bersesuaian dan juga memberi sokongan kepada kegiatan-kegiatan yang diperjuangkan. Di samping memainkan peranan advocacy saya harap pertubuhan-pertubuhan wanita juga akan melibatkan diri dengan tekun dalam strategi-strateginya.

8. Yang pertamanya ialah penyedaran dan penyebaran maklumat seperti menjalankan seminar, bengkel, pameran, kempen untuk menyedarkan masyarakat dan golongan-golongan tertentu mengenai isu-isu kesihatan; menganjur program dan kajian untuk mengenal-pasti masalah kesihatan setempat, ataupun menganjurkan ceramah-ceramah kesihatan.

9. Saya berharap pertubuhan-pertubuhan wanita akan mengambil tindakan yang berkesan seperti mewujudkan tempat-tempat atau pusat-pusat perlindungan; menyediakan risalah, poster, buletin, filem dan alat pandang-dengar mengenai kesihatan, memberi bantuan kewangan atau kemudahan-kemudahan atau mewujudkan perkhidmatan kesihatan dan kaunseling. Saya juga berharap Pertubuhan-pertubuhan Wanita akan dapat menjalankan kegiatan ke arah meningkatkan tahap kesihatan. Dengan cara ini kita bukan sahaja meningkatkan kesihatan wanita, tetapi juga seluruh keluarga dan masyarakat.

10. Badan-badan Kerajaan pula perlu melibatkan dengan lebih aktif pertubuhan-pertubuhan wanita dalam program dan langkah-langkah ke arah memperbaiki kesihatan dengan melengkapkan dan memperkuatkan jentera yang ada. Saya mengucapkan syabas kepada Kementerian Kesihatan Malaysia kerana mengambil peranan yang begitu aktif dalam bengkel ini. Pihak Kementerian hendaklah melibatkan pertubuhan wanita bukan sahaja dalam peringkat pelaksanaan tetapi juga dalam peringkat perancangan, pentadbiran, pengawasan, penilaian dan membuat keputusan dasar mengenai kesihatan seperti yang disarankan dalam Deklarasi Alma Ata mengenai 'Primary Health Care' pada tahun 1978. Saya juga berharap usaha kerjasama ini diteruskan ke peringkat negeri, daerah dan kampung.

11. Saya juga berharap dalam perkongsian badan-badan Kerajaan dan bukan Kerajaan ini Kementerian Kesihatan pula akan membantu pertubuhan-pertubuhan sukarela mengukuhkan struktur mereka melalui "institution building" seperti meningkatkan profesionalisma dan mutu kakitangan, serta membiasakan mereka dengan dasar, amalan dan prosedur rasmi dan memberi asas kewangan yang kukuh melalui peruntukan tetap, kredit dan sebagainya. Dengan track record yang cemerlang ini saya tidak ragu-ragu bahawa NCWO akan dapat menjalankan beberapa projek yang telah dirancang.

12. Di samping menjalankan projek-projek yang telah dirancang, saya menyeru pertubuhan-pertubuhan sukarela memberi perhatian kepada beberapa masalah sosio-kesihatan yang ketara di negara kita. Di antaranya termasuklah usaha untuk mencapai 80% pelalian di kalangan kanak-kanak, pembanterasannya wabak AIDS, pencegahan ketagihan dadah dan pencegahan penyakit-penyakit yang berkaitan dengan tekanan hidup seperti sakit jantung dan darah tinggi. Puan-puan dan Tuan-tuan,

13. Saya mengucapkan syabas kepada NCWO kerana menjadi teras kepada kegiatan-kegiatan yang memperjuangkan status serta hak wanita. Penganjuran bengkel ini menunjukkan kepekaan NCWO kepada isu-isu asas dalam kehidupan. Dengan kerjasama semua ahli gabungannya, saya percaya banyak projek untuk meningkatkan kesihatan akan dilaksanakan dengan ayanya.

Akhir kata, saya dengan sukacitanya merasmikan bengkel "Peranan Pertubuhan Sukarela Wanita Dalam Mempertingkatkan Kesihatan" ini.

Sekian.